

05 MAY 2002

Puteri-ICT

PUTERI UMNO CADANG WUJUD MAKMAL ICT DI SETIAP BAHAGIAN

PADANG BESAR, 5 Mei (Bernama) -- Puteri Umno bercadang mewujudkan makmal ICT di 165 bahagiannya bagi membantu wanita muda bersiap menghadapi gelombang globalisasi yang kian mencabar, kata ketua penajanya, Azalina Othman Said hari ini.

Menurutnya, kegagalan menguasai ilmu mengikut keperluan semasa menjadi punca20banyak orang Melayu termasuk yang berkelulusan pusat pengajian tinggi menganggur.

"Puteri Umno sedang dalam perbincangan dengan sebuah syarikat bagi mewujudkan makmal ICT di setiap bahagian," katanya kepada para pemberita selepas melancarkan Puteri Umno bahagian Padang Besar di sini hari ini.

Beliau tidak menyatakan nama syarikat berkenaan.

Katanya, Puteri Umno berhasrat untuk mengadakan kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia bagi melatih wanita muda meningkatkan penguasaan ilmu ICT melalui makmal-makmal ICT yang dicadangkan itu.

Azalina bimbang dengan kemelut penguasaan ilmu yang dihadapi oleh orang-orang Melayu khususnya wanita muda dalam menghadapi cabaran globalisasi yang penuh dengan persaingan.

Menurut beliau, sijil akademik tidak mencukupi sebagai persediaan untuk menghadapi zaman yang mencabar jika tidak disertai dengan penguasaan teknologi dan kemahiran.

Menurutnya, ketika ruang pekerjaan terbuka luas bagi mereka yang menguasai ilmu teknologi, banyak orang Melayu yang mementingkan bidang yang lebih mudah atau yang hanya mereka gemari.

Kebanyakan pelajar Melayu juga gagal menguasai bahasa Inggeris dan matematik dengan baik sedangkan ia merupakan keperluan dalam pasaran kerja, katanya.

Mengulas kenyataan Perdana Menteri bahawa 94 peratus daripada lepasan pusat pengajian tinggi yang menganggur adalah orang Melayu, Azalina berkata, puncanya kerana mereka tidak menguasai ilmu mengikut keperluan semasa.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan perhimpunan Hari Pekerja 2002 di Kuala Lumpur semalam dilaporkan berkata bahawa kebanyakan penganggur memilih jurusan sastera dan agama.

Ditanya sama ada Puteri Umno mempunyai hasrat untuk meletakkan calon-calon pada pilihan raya umum akan datang, Azalina berkata, Puteri Umno akan membantu kemenangan Barisan Nasional.

"Kami hanya di peringkat penaja. Tugas kami membantu Umno. Kalau kamu tanya sama ada kami nak bertanding, saya tak boleh jawab. Itu kena tanya Presiden Parti," katanya.

Yang hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid yang juga Ketua Umno bahagian Padang Besar.

-- BERNAMA

AD ZB